

PAHANG 2022 – PELARASAN (PELBAGAI)

Gemilang Enterprise			
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 (petikan)			
	Kos	Susut Nilai Terkumpul	Nilai Buku
	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Lengkapan	20 000	(2 000)	18 000
Aset Semasa			
Akaun Belum Terima	12 000		
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	600		
		11 400	
Insurans prabayar		300	

Maklumat tambahan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021:

- i. Insurans tahunan berjumlah RM2 250. Jumlah insurans yang telah dibayar ialah RM2 400.
- ii. Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2021 berjumlah RM8 000. Peruntukan Hutang Ragu hendaklah diselaraskan pada kadar 5% daripada Akaun Belum Terima.
- iii. Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- iv. Pada 1 Julai 2021, sebuah lengkapan baru bernilai RM3 000 telah dibeli dengan cek.
- v. Pada 31 Disember 2021, semua lengkapan lama telah dijual secara tunai dengan harga RM12 000.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Insurans
- (b) Akaun Peruntukan Hutang Ragu
- (c) Akaun Lengkapan
- (d) Akaun Susut Nilai Terkumpul Lengkapan
- (e) Akaun Pelupusan Lengkapan
- (f) Akaun Untung atau Rugi atas Pelupusan

Fahami soalan:

Bersamaan tarikh 1 Januari 2021

Gemilang Enterprise
Penyata Kedudukan Keuangan pada 31 Disember 2020 (petikan)

	Kos RM	Susut Nilai Terkumpul RM	Nilai Buku RM
Aset Bukan Semasa			
Lengkapan	20 000	(2 000)	18 000
Aset Semasa			
Akaun Belum Terima	12 000		
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	600		
Insurans prabayar			11 400
			300

Bermaksud angka-angka ini adalah baki awal lejar yang perlu dibuka.

Insurans prabayar awal tahun bermaksud belanja tahun semasa.

Jawapan (a) Akaun Insurans

Maklumat berkaitan dengan jawapan Insurans ialah:

- Baki awal Insurans prabayar RM300.
- Insurans tahunan berjumlah RM2 250. Jumlah Insurans yang telah dibayar ialah RM2 400

Insurans sebenar yang dipindahkan ke AUR.

Insurans dibayar dalam tahun semasa.
Debit Insurans, Kredit Bank

+B

		RM			RM
2021	Jan 1	Insurans prabayar	300	2021	Dis 31
	Dis 31	Bank	2 400		Akaun Untung Rugi
			2 700		Insurans prabayar
					450
					2 700

Angka pengimbang
(300 + 2 400 – 2 250)

LANGKAH 1:
Insurans prabayar RM300 pada 31 Disember 2020 bermaksud ia adalah **belanja untuk tahun 2021** yang telah dibayar dalam tahun 2020. Oleh itu, dalam tahun 2021, ia akan **didebitkan** dalam lejar (**diiktiraf sebagai belanja**)

LANGKAH 2:
Belanja insurans RM2 400 yang dibayar dalam tahun semasa akan **didebitkan (+B)**.

LANGKAH 3:
Insurans tahunan RM2 250 akan **dikreditkan** untuk dipindahkan ke Akaun Untung Rugi.

LANGKAH 4:
Wujud **Insurans prabayar** kerana sebelah debit Akaun Insurans (insurans dibayar) berjumlah RM2 700 lebih besar daripada jumlah Insurans sebenar RM2 250.
(RM2 700 – RM2 250 = RM450)
(Insurans terlebih bayar)

Jawapan (b) Akaun Peruntukan Hutang Ragu

Maklumat berkaitan dengan jawapan Peruntukan Hutang Ragu ialah:

Angka ini selalu disebut sebagai **PHR lama**.

- Baki awal Peruntukan Hutang Ragu RM600.
- Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2021 berjumlah RM8 000. Peruntukan Hutang Ragu hendaklah diselaraskan pada kadar 5% daripada Akaun Belum Terima.

Murid perlu mengira angka Peruntukan Hutang Ragu pada 31 Disember 2021 (selalu disebut sebagai **PHR baru**) seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 \text{PHR} &= \% \text{ PHR} \times \text{ABT} \\
 &= 5\% \times \text{RM8 000} \\
 &= \mathbf{RM400} \text{ (PHR baru)}
 \end{aligned}$$

Ini bermaksud berlaku **pengurangan PHR**, iaitu PHR lama RM600 berkurang kepada RM400, iaitu pengurangan sebanyak RM200. Jadi baki Akaun Peruntukan Hutang Ragu perlu dikurangkan daripada RM600 (baki awal) kepada RM400 (baki akhir).

PHR lama RM600	PHR baru RM400	Berkurang RM200
--------------------------	--------------------------	------------------------

Akaun Peruntukan Hutang Ragu

	RM		RM
2021		2021	
Dis 31 Hutang Ragu	200	Jan 1 Baki b/b	600
Baki h/b	400		
	600		600
		2022	
		Jan 1 Baki b/b	400

LANGKAH 3:

Imbangkan lejar seperti biasa. Pastikan baki akhir Akaun Peruntukan Hutang Ragu adalah RM400, iaitu sama dengan pengiraan PHR baru.

Imbangkan sehingga Baki b/b.

LANGKAH 2:

Baki b/b awal RM600 di sebelah kredit hendak dikurangkan kepada Baki akhir RM400. Jadi lejar perlu didebitkan sebanyak RM200.

Kredit jumpa Debit, memberi kesan tolak.

LANGKAH 1:

Masukkan baki awal PHR dari PKK iaitu RM600. Jangan lupa Akaun PHR mempunyai baki awal di sebelah **kredit**.

Ingat semula: PHR adalah kontra kepada ABT (dt).

Jawapan (c) hingga (e)

Jawapan Akaun Lengkapan, Akaun Susut Nilai Terkumpul Lengkapan dan Akaun Pelupusan Lengkapan akan dibincangkan serentak.

c) Akaun Lengkapan

2021		RM	2021		RM
Jan 1	Baki b/b	20 000	Dis 31	Pelupusan lengkapan	20 000
Jul 1	Bank	3 000		Baki h/b	3 000
		23 000			23 000
<hr/>			<hr/>		
2022					
Jan 1	Baki b/b	3 000			

LANGKAH 1:
Merekod baki aset seperti di Penyata Kedudukan Kewangan.

LANGKAH 2:
Merekod belian lengkapan baru (maklumat tambahan (iv)).

LANGKAH 3:
Mengeluarkan **kos** aset yang dijual ke Akaun Pelupusan (maklumat tambahan (v)).

LANGKAH 4:
Imbangkan Akaun Lengkapan sehingga Baki b/b.

d) Akaun Susut Nilai Terkumpul Lengkapan

2021		RM	2021		RM
Dis 31	Pelupusan lengkapan	3 800	Jan 1	Baki b/b	2 000
	Baki h/b	150	Dis 31	Susut nilai lengkapan	1 950
		3 950			3 950
<hr/>			<hr/>		
2022			2022		
Jan 1	Baki b/b	150	Jan 1	Baki b/b	150

LANGKAH 3:
Mengeluarkan **SNT** aset yang dijual ke Akaun Pelupusan (**2 000 + 1 800**)

LANGKAH 2: Merekod **susut nilai tahun semasa**.
 Lengkapan lama = $10\% \times (20\,000 - 2\,000) = \text{RM}1\,800$
 Lengkapan baru = $10\% \times (3\,000 - 0) \times 6/12 = \text{RM}150$
 (Jumlah **RM1 950**)

LANGKAH 1:
Merekod baki SNT seperti di PKK. (Ini adalah SNT lengkapan lama)

e) Akaun Pelupusan Lengkapan

2021		RM	2021		RM
Dis 31	Lengkapan	20 000	Dis 31	Susut nilai terkumpul lengkapan	3 800
		20 000		Tunai	12 000
				Rugi atas pelupusan	4 200
					20 000

LANGKAH 1:
Merekod kos aset dijual (dibergukan dari Akaun Lengkapan).

LANGKAH 2:
Merekod SNT aset dijual (dibergukan dari Akaun SNT Lengkapan).

LANGKAH 3:
Merekod harga jualan lengkapan lama (maklumat tambahan (v)).

LANGKAH 4: Merekod rugi atas pelupusan.
 Debit (B) RM20 000
 Kredit (H) RM15 800
 (B) > (H) = **Rugi RM4 200**

Jawapan (f) Akaun Untung atau Rugi Pelupusan

Jawapan ini adalah catatan bergu daripada Akaun Pelupusan Lengkapan, iaitu bergantung sama ada jawapan Akaun Pelupusan menghasilkan jawapan untung atau rugi pelupusan.

e) Akaun Pelupusan Lengkapan

2021		RM	2021		RM
Dis 31	Lengkapan	20 000	Dis 31	Susut nilai terkumpul lengkapan	3 800
				Tunai	12 000
		20 000		Rugi atas pelupusan	4 200
					20 000

f) Akaun Rugi atas Pelupusan

2021		RM	2021		RM
Dis 31	Pelupusan Lengkapan	4 200	Dis 31	Akaun Untung Rugi	4 200
		4 200			4 200

LANGKAH 1: Merekod rugi atas pelupusan (dibergukan dari Akaun Pelupusan Lengkapan).

LANGKAH 2: Memindahkan rugi atas pelupusan ke Akaun Untung Rugi